

HELAIAN FAKTA NOTIS PERTUKARAN ASING - AKAUN LUAR (INDIVIDU)

APAKAH NOTIS PERTUKARAN ASING?

Notis Pertukaran Asing ("Notis FE") merupakan beberapa peraturan yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia ("BNM") di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 untuk melindungi nilai Ringgit Malaysia ("Ringgit")

Anda dinasihatkan supaya membaca dan memahami Notis-notis FE serta memastikan segala aktiviti yang dijalankan untuk akaun yang diselenggara dengan Hong Leong Bank Berhad dan/atau Hong Leong Islamic Bank Berhad ("Bank") mematuhi Notis-notis FE setiap masa.

ADAKAH ANDA PEMASTAUTIN ATAU BUKAN PEMASTAUTIN?

Peraturan-peraturan menurut Notis-notis FE adalah berbeza antara Pemastautin dengan Bukan Pemastautin.

Takrif BNM tentang Pemastautin dan Bukan Pemastautin dibentangkan dalam Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, sila rujuk jadual di bawah (untuk panduan):

Kewarganegaraan	Status Pemastautin Tetap sebuah negara di luar Malaysia	Lama masa bermastautin di luar Malaysia	Status Kemastautinan
Warga Malaysia	Tidak	N/A	Pemastautin
	Ya	> 182 hari*	Bukan Pemastautin
		< 182 hari*	Pemastautin

Kewarganegaraan	Status Pemastautin Tetap sebuah negara di Malaysia	Lama masa bermastautin di Malaysia	Status Kemastautinan
Bukan Warganegara Malaysia	Tidak	N/A	Bukan Pemastautin
	Ya	> 182 hari*	Pemastautin
		< 182 hari*	Bukan Pemastautin

* Pengiraan 182 hari adalah berdasarkan setiap tahun kalendar dan tidak semestinya secara berterusan

APAKAH AKAUN LUAR?

Jika anda pelanggan Bukan Pemastautin, apa-apa akaun Ringgit yang anda selenggara dengan Bank akan dikelaskan sebagai Akaun Luar. Akaun Luar boleh dibuka:

- secara individu oleh pelanggan Bukan Pemastautin tunggal;
- secara bersama antara pelanggan individu yang semuanya Bukan Pemastautin;
- secara bersama antara pelanggan Bukan Pemastautin individu dengan Pelanggan Pemastautin individu;
(Perhatian: Akaun bersama pelanggan Bukan Pemastautin dengan pelanggan Pemastautin yang merupakan pasangan sah di sisi undang-undang tidak dikelaskan sebagai Akaun Luar)
- Dalam Amanah untuk atau bagi pihak beneficiari Bukan Pemastautin (cth. 3-in-1 Junior Account/-i dan Junior Savings Accounts/-i).
(Perhatian: Jika beneficiari itu merupakan Pemastautin, Akaun Amanah itu tidak dikelaskan sebagai Akaun Luar)

APAKAH PERATURAN YANG TERPAKAI KEPADA AKAUN LUAR?

Sebagai pemegang Akaun Luar, akaun anda akan tertakluk kepada keperluan, sekatan dan syarat seperti dinyatakan dalam Notis FE yang dikeluarkan oleh BNM.

Pengoperasian, sumber dan penggunaan dana keluar masuk Akaun Luar dikecualikan daripada pengesahan lebih lanjut oleh Bank bagi transaksi berikut:

- RM10,000 setiap transaksi bagi apa-apa tujuan; atau
- Apa-apa amanah bagi :
 - (i) pengeluaran tunai melalui kaunter; atau
 - (ii) pindahan antara Akaun Luar pemegang akaun yang sama

Bank akan memerlukan dokumen sebagai bukti selaras dengan proses penilaian wajar Bank demi memastikan pematuhan Notis FE bagi transaksi yang tidak disebut secara khusus seperti di atas.

Bagaimanapun, sekatan yang dikenakan itu tidak terpakai kepada hal-hal berikut:

- Pelanggan Bukan Pemastautin yang menyertai Program "Malaysia My Second Home"; atau
- Pelanggan Bukan Pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (mempunyai permit kerja sah atau pas pelajar dan visa) termasuk pasangan pelanggan, anak atau ibu bapa yang tinggal bersama-sama mereka di Malaysia.

PENTING :

Dokumen ini tidak mengandungi maklumat serba lengkap dan adalah sekadar panduan umum bagi pelanggan. Anda dihasbihatkan supaya membuat rujukan kepada Notis-notis FE yang lengkap dan terkini, yang boleh diakses di laman web Bank Negara Malaysia (BNM) melalui www.bnm.gov.my.